

NAMA :TINGKATAN:

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2025

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

2 JAM

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN

1. Modul ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.
4. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	30	
B	1	70	
	2		
	3		
	4		
JUMLAH		100	

Modul ini mengandungi 4 halaman bercetak



Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Komik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan aktiviti melancong.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang aktiviti pelancongan.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Sumber : Internet

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

- 1 Semua murid mempunyai impian untuk mencapai keputusan cemerlang. Menurut Ikon Inspirasi Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah Negeri Pahang 2020, Cikgu Mohd Ropizam Mohamad Zainun memberitahu bahawa murid yang cemerlang mempunyai cara tersendiri untuk mendapat keputusan yang cemerlang termasuklah mendisiplinkan diri.

Sumber : *Sinar Bestari*, 23 Jun 2023

Huraikan cara yang terdapat dalam petikan di atas berserta cara-cara lain untuk mencapai impian tersebut.

- 2 KUALA LUMPUR: Sebanyak 14,490 kes penipuan dalam talian dengan jumlah kerugian melebihi RM581 juta direkodkan bagi tempoh Januari hingga 15 Jun lalu, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), M. Kulasegaran. Beliau berkata, kes penipuan dalam talian itu membabitkan jenayah telekomunikasi, jenayah e-kewangan, jenayah e-dagang, pinjaman dan pelaburan tidak wujud.

Sumber: www.bharian.com

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan langkah-langkah bagi memastikan kes tersebut mampu dibanteras.

3

Pantun Dilema Pertanian

Ranum kuini gugur di tepi,
Di makan merpati celahan batu;
Bidang tani terpinggir sepi,
Risiko tinggi untung tak tentu.

Orang memukat menaiki lanca,
Tali sauh tambat di dahan;
Persepsi masyarakat menjadi punca,
Konon petani kerjaya bawahan.

Bunga kenanga warnanya terang,
Tampak berseri berkuntum lima;
Ilmu tiada modal pun kurang,
Hasrat bertani terkubur cuma.

Sumber : Azmi Md Said, Bandar Baharu

Berdasarkan rangkap pantun di atas, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kerjaya dalam bidang pertanian semakin terpinggir.

Bincangkan.

- 4 Kerjasama ekonomi antarabangsa memberikan pelbagai manfaat kepada pembangunan negara termasuklah memajukan ekonomi. Malaysia terlibat dalam pelbagai bentuk kerjasama untuk meningkatkan kemajuan ekonomi dan memenuhi keperluan sumber negara. Usaha berterusan dalam menjalinkan kerjasama ini akan memastikan perkongsian teknologi dan peningkatan taraf hidup rakyat berlaku.

Sumber : Internet

Berdasarkan petikan, bincangkan manfaat-manfaat tersebut.

MODUL TAMAT